

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status rancangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mengenakan cukai GST ke atas kawasan bebas cukai di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Penaan Cukai Bagi Pembekalan Berkenaan Dengan

Kawasan Ditetapkan) 2014 telah menetapkan bahawa pembekalan perkhidmatan dan barangan tertentu dari Kawasan Utama Kastam ke kawasan ditetapkan termasuklah kawasan bebas cukai seperti Langkawi, Tioman dan Labuan adalah tertakluk kepada GST. Pembekalan yang terlibat adalah seperti pembekalan petrol, diesel dan gas petroleum cecair serta pembekalan perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan telekomunikasi.

Selain daripada ketetapan tersebut, Kementerian Kewangan telah memberi layanan istimewa ke atas bekalan barang yang dibuat di *Free Commercial Zone* yang mana semua bekalan barang yang dibuat di dalam dan di antara *Free Commercial Zone* tidak dikenakan GST.